



**KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**  
*Director General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8**  
*Level 8, Block E8*  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
*Government Complex Parcel E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2 Jld. **6** ( **10** )  
Tarikh: **9** November 2018

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**BILANGAN 9 TAHUN 2018**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AMALAN HARIAN BAGI PERPADUAN DI**  
**SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**TUJUAN**

1. Surat pekeliling ikhtisas ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada Pengetua dan Guru Besar (PGB) berkenaan penguatkuasaan **Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian** bagi Perpaduan di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

**LATAR BELAKANG**

2. Dasar Pendidikan Kebangsaan memperuntukkan bahawa skop pendidikan di sekolah adalah pelbagai dan komprehensif bagi memenuhi keperluan negara serta memupuk perpaduan selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara. Interaksi antara warga sekolah yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum, etnik, sosioekonomi, bahasa, jantina dan agama, memberi peluang kepada mereka untuk belajar memahami, menerima, menghormati serta menghargai kepelbagaian dan perbezaan antara mereka.

Nilai dan pengalaman ini mengupayakan pembentukan identiti nasional dan memupuk perpaduan negara.

3. Perpaduan di sekolah seharusnya dilihat dalam konteks yang lebih luas, bukan sekadar perpaduan antara kaum di Malaysia. Perpaduan yang berlaku dalam kalangan warga sekolah seharusnya merangkumi aspek kepelbagaian latar belakang sosioekonomi, kaum, etnik, jantina, budaya, bahasa dan agama.

4. Pendedahan dan kefahaman terhadap kepelbagaian latar belakang sosioekonomi, kaum, etnik, jantina, budaya, bahasa dan agama yang wujud dalam negara ini harus diberi penekanan supaya dapat meningkatkan keupayaan warga sekolah untuk memahami, menerima, menghormati serta menghargai kepelbagaian antara mereka.

## PELAKSANAAN

...5. Bersama-sama ini disertakan **Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian bagi Perpaduan di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia** bagi menjelaskan peranan PGB dalam menerapkan elemen perpaduan dalam kalangan warga sekolah.

6. Bagi tujuan mengukuhkan amalan perpaduan, pihak sekolah hendaklah menerapkan elemen perpaduan dalam melaksanakan aktiviti/program dengan mengambil kira penglibatan warga sekolah daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, kaum, etnik, jantina, budaya, bahasa dan agama. Sehubungan dengan itu, surat pekeliling ikhtisas dan surat siaran berikut adalah berkaitan :

- 6.1 SPI Bil.8/1975: 1. Menyanyi Lagu Kebangsaan/Lagu Negeri dan 2. Mengibar Bendera Persekutuan/Bendera Negeri di Sekolah-sekolah / Maktab-maktab Perguruan bertarikh 8 September 1975;
- 6.2 SPI Bil. 7/1976: Jualan Makanan dan Minuman di Kantin-kantin Sekolah Untuk Murid-murid Berbilang Agama;

- 6.3 SPI Bil.3/1984: Garis Panduan Mengenai Aktiviti-aktiviti Kebudayaan Sekolah;
- 6.4 SPI Bil.4/1984: Perhimpunan Sekolah;
- 6.5 SPI Bil. 5/1985: Rancangan Mencantik dan Mengindahkan Sekolah dan Kawasannya;
- 6.6 SPI Bil. 6/1994: Usaha Menanam Semangat Patriotisme Di Kalangan Pelajar dan Senaman Ringkas Dalam Bilik Darjah bertarikh 12 September 1994;
- 6.7 SPI Bil. 9/1995: Rancangan Kegiatan Sekolah Selepas Peperiksaan UPSR Bagi Murid-Murid Tahun 6;
- 6.8 SPI Bil. 14/2000: Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Sekolah bertarikh 10 Ogos 2000;
- 6.9 SPI Bil.17/2000: Penubuhan Kelab Rukun Negara Di Sekolah-sekolah bertarikh 16 November 2000;
- 6.10 SPI Bil.3/2003: Ke Arah Membudayakan Nilai Berterima Kasih;
- 6.11 SPI Bil.10/2005: Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) bertarikh 23 Disember 2005;
- 6.12 SPI Bil.16/2010: Pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M1S); dan
- 6.13 Surat Siaran KPPM Bil. 4 Tahun 2012: Pelaksanaan Amalan Guru Penyayang.

7. PGB hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Sekolah di peringkat sekolah bagi memastikan semua aktiviti/program perpaduan dilaksanakan di sekolah termasuk program RIMUP. Objektif penubuhan jawatankuasa ini adalah :

- 7.1 Menggalakkan aktiviti berbentuk perpaduan dalam merentasi aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP), hal ehwal murid (HEM) dan kokurikulum;

- 7.2 Menerapkan nilai perpaduan secara holistik, berterusan dan natural dalam kalangan warga sekolah; dan
- 7.3 Mendekatkan ibu bapa dengan aktiviti perpaduan di sekolah.
8. PGB hendaklah memastikan aktiviti/program perpaduan termasuk RIMUP dilaksanakan, dipantau dan dinilai keberkesanannya di sekolah.
9. Amalan perpaduan hendaklah diterapkan melalui aktiviti harian murid di sekolah seperti dalam aktiviti PdP, HEM, kokurikulum, sukan dan pergaulan seharian di dalam dan luar sekolah.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

10. Surat pekeliling iktisas ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

#### **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

11. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling iktisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK DR. AMIN BIN SENIN)**  
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Menteri Pendidikan Malaysia
  2. Timbalan Menteri Pendidikan
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Pengarah  
Sektor Pengajian Tinggi
  5. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia
  8. Ketua Nazir Sekolah  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
  9. Penasihat Undang-undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  10. Ketua Komunikasi Korporat  
Unit Komunikasi Korporat

## **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AMALAN HARIAN BAGI PERPADUAN DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

---

### **1. TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pengetua dan Guru Besar (PGB) dalam pelaksanaan amalan harian bagi perpaduan di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Perpaduan telah menjadi agenda negara semenjak sebelum Kemerdekaan dan telah digariskan dengan jelas dalam Laporan Razak 1956, satu dasar pelajaran yang boleh diterima oleh semua kaum dan perpaduan menjadi teras Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi menjamin kesejahteraan pelbagai kaum di Malaysia. Seterusnya perpaduan diberi penekanan supaya rakyat mempunyai satu identiti Nasional bagi membina Negara Bangsa
- 2.2 Konsep Negara Bangsa yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010 telah menyatakan pembinaan negara bangsa amat penting bagi sebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Keupayaan membina Negara Bangsa bergantung kepada perkongsian nilai serta semangat patriotisme. Ia menjadi semakin penting lebih-lebih lagi dalam era globalisasi yang membenarkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja maklumat, modal serta manusia, tetapi juga sistem nilai, budaya dan kepercayaan dari pelbagai negara
- 2.3 Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan 2019-2025 dibangunkan oleh KPM sebagai satu pelan strategik yang bersepadu bagi memastikan aspirasi dan matlamat perpaduan

dalam pendidikan dapat difahami dan dihayati oleh semua murid dan warga pendidik khususnya dan warga Malaysia amnya. Pelan ini dibangunkan susulan daripada isu-isu yang dikenalpasti daripada Laporan Kajian Pengukuran Tahap Perpaduan dan Pemeriksaan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) serta dapatan makmal perpaduan yang dijalankan oleh Unit Pelaksanaan & Prestasi Pendidikan (PADU) dan Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK).

- 2.4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 berhasrat untuk mencapai lima keberhasilan bagi sistem Pendidikan Malaysia secara menyeluruh iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Melalui amalan dan tingkah laku di sekolah, murid belajar memahami, menerima dan menghayati perbezaan dalam kalangan murid daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik.
- 2.5 Laporan Kajian Pengukuran Tahap Perpaduan di sekolah tahun 2016 yang disediakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati indeks perpaduan turun sebanyak 0.3 berbanding tahun 2014. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) serta sekolah perlu meneliti semula pelaksanaan program dan aktiviti yang memberi peluang untuk guru dan murid pelbagai kaum bertemu dan mengenali antara satu sama lain bagi meningkatkan keupayaan menerima perbezaan kaum, budaya, bahasa dan agama.
- 2.6 Dapatan kajian juga menunjukkan sekolah *homogenous* perlu diberi pendedahan tentang kepelbagaian kaum, budaya, bahasa dan agama yang wujud dalam negara supaya meningkatkan kefahaman mereka terhadap kaum lain apabila mereka meninggalkan alam persekolahan. Pendedahan dan kefahaman terhadap kepelbagaian dapat meningkatkan keupayaan mereka untuk lebih bersikap terbuka, bertoleransi, bekerjasama dan percaya kepada kaum lain. Sehubungan itu, garis panduan amalan perpaduan di sekolah yang disediakan

ini diharap dapat memperjelaskan hala tuju serta membimbing pihak sekolah merealisasikan matlamat ini.

- 2.7 JNJK telah melaksanakan Pemeriksaan Khas Perpaduan Sekolah Menengah Tahun 2014 dan Pemeriksaan Khas Perpaduan dan Patriotisme Tahun 2016. Hasil laporan mendapati, terdapat PGB yang masih tidak mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil.10/2005: Rancangan Integrasi Murid-Murid untuk Perpaduan (RIMUP). Hal ini disebabkan kurangnya kepekaan terhadap kepentingan menerapkan nilai perpaduan dalam kalangan warga sekolah.

### **3. ASAS PERTIMBANGAN**

- 3.1 PGB adalah pihak yang bertanggung jawab untuk memastikan perpaduan wujud dalam kalangan warga sekolah. Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memberikan panduan kepada PGB dalam pelaksanaan amalan harian perpaduan di sekolah agar warga sekolah dapat menerima, memahami, menghormati dan menghayati kepelbagaian dalam kalangan warga sekolah daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, kaum, etnik, jantina, budaya, bahasa dan agama
- 3.2 Sehingga kini, tiada garis panduan khusus yang dikeluarkan oleh pihak KPM sebagai panduan kepada pengetua dan guru besar untuk pelaksanaan amalan perpaduan di sekolah kecuali Buku Panduan Rancangan Intergrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang melibatkan sebilangan kecil murid dari kelompok-kelompok sekolah yang berbeza.



#### 4. DEFINISI

Bagi tujuan garis panduan ini :

**Amalan perpaduan** ertinya sesuatu yang dilakukan sebagai suatu kebiasaan yang bersifat berterusan supaya semua warga sekolah dapat menerima, mengurus dan menghormati kepelbagaian.

**Elemen perpaduan** ertinya perkara penting yang perlu diberi penekanan oleh warga sekolah iaitu menerima, menghormati memahami dan menghayati kepelbagaian berdasarkan nilai-nilai perpaduan.

**Kepelbagaian** ertinya individu yang mempunyai pelbagai latar belakang sosioekonomi, kaum, etnik, jantina, budaya, bahasa dan agama yang berada di sekolah

**Memahami kepelbagaian** ertinya warga sekolah bersikap terbuka, bertoleransi, percaya dan bekerjasama walaupun berbeza latar belakang sosioekonomi, kaum, etnik, jantina, budaya, bahasa dan agama.

**Menerima kepelbagaian** ertinya warga sekolah mengamalkan sikap atau tingkah laku yang berhemah tinggi, menghargai dan prihatin walaupun berbeza latar belakang sosioekonomi, kaum, etnik, jantina, budaya, bahasa dan agama.

**Menghayati kepelbagaian** ertinya warga sekolah mengamalkan sikap atau tingkah laku yang amanah, adil dan rasional walaupun berbeza latar belakang sosioekonomi, kaum, etnik, jantina, budaya, bahasa dan agama.

**Menghormati perbezaan** ertinya warga sekolah memberi hormat dan menghargai semua individu walaupun berbeza latar belakang sosioekonomi, kaum, etnik, jantina, budaya, bahasa dan agama.

**Nilai perpaduan** ertinya nilai-nilai yang perlu diterapkan seperti bersikap terbuka, toleransi, bekerjasama, percaya, berhemah tinggi, bersyukur, prihatin, adil, amanah dan rasional.

## 5. OBJEKTIF

Garis panduan ini bertujuan :

- 5.1 meningkatkan perpaduan di setiap sekolah melalui pelaksanaan program dan aktiviti yang memberi peluang untuk guru dan murid pelbagai kaum bertemu dan mengenali antara satu sama lain bagi meningkatkan keupayaan menerima perbezaan kaum, budaya, bahasa dan amalan agama.
- 5.2 meningkatkan penerapan elemen perpaduan dalam kehidupan seharian warga sekolah iaitu menerima, menghormati, memahami dan menghayati kepelbagaian.

## 6. PENUBUHAN JAWATANKUASA PERPADUAN DI SEKOLAH

PGB perlu memastikan Jawatankuasa Perpaduan ditubuhkan di peringkat sekolah. Semua aktiviti berkaitan perpaduan haruslah didokumenkan dalam fail rasmi. Berikut adalah terma rujukan Jawatan Kuasa Perpaduan tersebut :

- 6.1 Menubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Sekolah (JPS) yang dianggotai oleh :
  - a. PGB sebagai Pengerusi
  - b. Setiausaha adalah GPK Kokurikulum
  - c. Ahli Jawatankuasa (AJK) :
    - i. GPK Pentadbiran;
    - ii. GPK Hal Ehwal Murid
    - iii. Semua Ketua Panitia;
    - iv. Guru Disiplin;
    - v. Guru Bimbingan dan Kaunseling;
    - vi. Guru Penyelaras RIMUP

- vii. Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)
- viii. Pengerusi Jawatankuasa Permufakatan
- ix. Penghulu/Ketua Kampung
- x. Agensi lain/NGO/orang perseorangan (sekiranya perlu)
- xi. Wakil Alumni setiap sekolah (Jika ada)

## 6.2 Objektif penubuhan JPS adalah :

- a. Menggalakkan aktiviti berbentuk perpaduan dalam merentasi aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP), HEM dan KoKurikulum
- b. Menerapkan nilai perpaduan secara holistik, berterusan dan natural dalam kalangan warga sekolah.
- c. Mendekatkan ibu bapa dengan aktiviti perpaduan di sekolah.

## 6.3 Peranan JPS :

### 6.3.1 Pengerusi (PGB)

- a. Memastikan terdapat aktiviti perpaduan yang dilaksanakan di sekolah melalui pembinaan takwim sekolah.
- b. Mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa perpaduan sekolah **dua kali setahun**
- c. Memastikan laporan-laporan perpaduan sentiasa dikemaskini (*up-to-date*).

### 6.3.2 Setiausaha

- a. Memastikan fail-fail utama perpaduan sentiasa dikemaskinikan.
  - b. Menyediakan laporan termasuk bahan bukti mengenai aktiviti perpaduan yang dilaksanakan.
- c. Melaksanakan peranan sebagai setiausaha mesyuarat.

### 6.3.3 AJK

- a. Sentiasa menguar-uarkan nilai-nilai perpaduan serta aktiviti-aktiviti berkaitan perpaduan.
- b. Menghadiri mesyuarat Jawatankuasa
- c. Memberi idea serta pendapat yang bernas
- d. Menyokong dan mendukung penerapan nilai-nilai perpaduan dalam kalangan warga sekolah

### 6.3.4 Peranan wakil PIBG dan pihak berkepentingan

- a. Melibatkan diri dalam perancangan sekolah berkaitan perpaduan
- b. Berkerjasama membantu pihak sekolah dalam pelaksanaan program dan aktiviti perpaduan
- c. Menguar-uarkan aktiviti dan program perpaduan sekolah dalam kalangan ibu bapa dan komuniti.

## 7. PEMATUHAN SURAT PEKELILING IKHTISAS DAN SURAT SIARAN BERKAITAN PENGUKUHAN PERPADUAN DI SEKOLAH

Untuk memastikan amalan perpaduan dapat dilaksanakan dengan berkesan, PGB perlulah mematuhi semua SPI dan surat siaran berkaitan pengukuhan perpaduan di sekolah seperti berikut :

BIL	SPI	PERKARA
1	<b>SPI Bil.8/1975: 1. Menyanyi Lagu Kebangsaan/Lagu Negeri dan 2. Mengibar Bendera Persekutuan/Bendera Negeri di Sekolah-sekolah / Maktab-maktab Perguruan</b> bertarikh 8 September 1975.	a) Simbol-simbol kebangsaan seperti lagu kebangsaan, bendera persekutuan, lagu negeri dan bendera negeri melambangkan kedaulatan negeri dan negara. Ini merupakan tumpuan kesetiaan dan perpaduan rakyat. Oleh yang demikian, ia perlu dihormati dan dimuliakan oleh rakyat.

2	<b>SPI Bil. 7/1976: Jualan Makanan dan Minuman di Kantin-kantin Sekolah Untuk Murid-murid Berbilang Agama</b>	<p>a) Mengambil kira dan membuat persediaan yang munasabah bagi kepentingan agama pembeli-pembeli dalam kalangan guru, pekerja dan murid-murid apabila menyediakan makanan atau minuman untuk dijual kepada mereka.</p>
3	<b>SPI Bil.3/1984 Garis Panduan Mengenai Aktiviti-aktiviti Kebudayaan Sekolah</b>	<p>a) Menegaskan dalam menjalankan aktiviti kebudayaan dan kesenian, nilai bahasa, pakaian mahupun perlakuan harus ditanam dalam jiwa murid.</p> <p>b) Penglibatan murid berbilang kaum dalam satu-satu aktiviti kesenian hendaklah digalakkan untuk memupuk semangat perpaduan dan integrasi kaum serta menerapkan keperibadian kebangsaan</p>
4	<b>SPI Bil.4/1984 : Perhimpunan Sekolah</b>	<p>a) Perhimpunan sekolah pada hari pertama minggu persekolahan dianggap satu majlis rasmi peringkat sekolah.</p> <p>b) Semua guru dan murid hendaklah sama-sama berada di dalam majlis perhimpunan. Kakitangan bukan guru digalakkan bersama.</p> <p>c) Perkara yang boleh meninggikan lagi moral serta membentuk sikap murid ke arah yang lebih positif adalah digalakkan untuk disampaikan kepada murid-murid di perhimpunan.</p> <p>Atur cara perhimpunan;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Lagu kebangsaan/lagu kebangsaan negeri dan lagu sekolah sambil menaikkan bendera.</li> <li>ii. Upacara membaca ikrar rukun negara</li> <li>iii. Ucapan PGB</li> <li>iv. Lain-lain perkara yang difikirkan perlu</li> </ol>
5	<b>SPI Bil. 5/1985: Rancangan Mencantik dan Mengindahkan Sekolah dan Kawasannya</b>	<p>a) Tujuan surat pekeliling mengingatkan pihak sekolah bahawa kekemasan, kebersihan, kecantikan dan keindahan sekolah serta kawasannya perlu dititikberatkan setiap masa.</p> <p>b) Apabila sekolah dan kawasan berada dalam keadaan kemas, bersih, cantik dan indah,</p>

		<p>ianya dapat mewujudkan suasana sekolah yang harmonis dan menggembirakan.</p> <p>c) Pelbagai aktiviti pengukuhan dan pengayaan akademik boleh dijalankan. Dengan cara ini minat pelajar dapat dipertingkatkan dan seterusnya penyemaian nilai-nilai seperti bertanggungjawab, bekerjasama dan berdikari dapat disemai.</p> <p>d) Dalam usaha mencantik dan mengindahkan sekolah, semangat kekitaan di kalangan masyarakat sekolah dan luar sekolah boleh disemaikan.</p>
6	<p>SPI Bil. 6/1994 :  <b>Usaha Menanam Semangat Patriotisme Di Kalangan Pelajar dan Senaman Ringkas Dalam Bilik Darjah</b>  bertarikh 12 September 1994.</p>	<p>a) Semangat patriotisme merupakan intipati keutuhan negara dan kesejahteraan rakyatnya.</p> <p>b) Semangat patriotisme ditanam melalui upacara menaikkan bendera, menyanyikan lagu kebangsaan dan melafazkan ikrar dalam perhimpunan mingguan atau harian.</p> <p>c) Menanam semangat patriotisme adalah menjadi sebahagian daripada aspek pendidikan menyeluruh dan bersepadu.</p>
7	<p>SPI Bil. 9/1995 :  <b>Rancangan Kegiatan Sekolah Selepas Peperiksaan UPSR Bagi Murid-Murid Tahun 6</b></p>	<p>a) untuk menarik minat murid-murid supaya terus hadir di sekolah selepas peperiksaan tamat , adalah dicadangkan pihak sekolah merancang dan melaksanakan program, projek dan aktiviti yang dapat mendatangkan faedah dan manfaat kepada mereka seperti :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. pelajaran tambahan,</li> <li>ii. kegiatan-kegiatan di dalam/luar kawasan sekolah,</li> <li>iii. lawatan sambil belajar,</li> <li>iv. ceramah keselamatan, kemasyarakatan dan lain-lain</li> <li>v. pertunjukan kebudayaan seperti adat istiadat perkahwinan berbilang kaum/bangsa, tarian-tarian asli dan</li> </ol>

		<p>moden kaum di Malaysia, permainan dan seni mempertahankan diri,</p> <p>vi. hobi-hobi berunsur kreatif (termasuk hobi saintifik), dan</p> <p>vii. rancangan kegiatan dakwah islamiah untuk murid tahun 6 selepas peperiksaan UPSR</p>
8	<p>SPI Bil. 14/2000: <b>Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Sekolah</b> bertarikh 10 Ogos 2000.</p>	<p>a) Generasi muda yang bakal menjadi pewaris negara perlu memahami dan menghayati sejarah perjuangan mencapai kemerdekaan.</p> <p>b) KPM perlu mendidik dan membina generasi muda supaya mereka mempunyai rasa cinta kepada negara dan mempunyai jati diri yang jitu. Mereka hendaklah menjadi bangsa yang berani, tegas, dihormati dan berkeyakinan serta komitmen yang tinggi, sedia berkorban demi kedaulatan negara.</p> <p>c) Semua sekolah dikehendaki mengadakan PERHIMPUNAN KHAS pada tarikh 30 Ogos setiap tahun. Sekiranya tarikh berkenaan merupakan hari cuti, perhimpunan ini hendaklah diadakan pada hari sebelumnya. Perhimpunan tersebut hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi acara-acara yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. mengibarkan Jalur Gemilang;</li> <li>ii. menyanyikan lagu Negaraku dan lagu-lagu patriotik; dan</li> <li>iii. laungan kemerdekaan.</li> </ul>
9	<p>SPI Bil.17/2000: <b>Penubuhan Kelab Rukun Negara Di Sekolah-sekolah</b> bertarikh 16 November 2000.</p>	<p>a) Sekolah diminta menubuhkan Kelab/Persatuan Rukun Negara.</p> <p>b) Menjalankan kegiatan menjalin kerjasama antara pihak sekolah dengan agensi-agensi tertentu serta persatuan komuniti dan masyarakat setempat.</p> <p>c) Menjalankan aktiviti-aktiviti yang berfokus kepada peningkatan perpaduan dan integrasi di kalangan pelajar sekolah yang berbilang kaum dan keturunan</p>

10	<p>SPI Bil.3/2003:  <b>Ke Arah  Membudayakan Nilai  Berterima Kasih</b></p>	<p>a) Matlamat KPM adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Pihak sekolah diminta memberi penekanan kepada pemupukan nilai bersyukur dan berterima kasih.</p> <p>b) Pendekatan dan penyertaan yang bersepadu harus digembleng dalam menentukan pembudayaan nilai-nilai murni ini.</p>
11	<p>SPI Bil.10/2005 :  <b>Rancangan Integrasi  Murid Untuk  Perpaduan (RIMUP)</b>  bertarikh 23 Disember 2005.</p>	<p>a) KPM menyedari bahawa perpaduan di kalangan murid-murid berbilang kaum merupakan asas kepada pembangunan, kestabilan dan kemajuan negara.</p> <p>b) Unsur-unsur perpaduan ini dipupuk dan dimantapkan melalui pelbagai program pendidikan secara sedar dan terancang sama ada yang berbentuk akademik mahupun kokurikulum dalam keseluruhan sistem pendidikan</p>
12	<p>SPI Bil.16/2010  <b>Pelaksanaan Dasar  Satu Murid Satu  Sukan (1M1S)</b></p>	<p>a) Dasar 1M1S berhasrat untuk memenuhi objektif-objektif berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. meningkatkan kecergasan jasmani.</li> <li>ii. membentuk sahsiah, jati diri, disiplin dan nilai murni</li> <li>iii. memupuk perpaduan di antara kaum.</li> <li>iv. membentuk budaya sukan di kalangan murid.</li> <li>v. memenuhi naluri semula jadi murid dalam aktiviti fizikal.</li> <li>vi. memberi keseimbangan antara keperluan akademik dengan keperluan fizikal.</li> <li>vii. mewujudkan landasan ke arah kecemerlangan sukan.</li> </ol>
13	<p>Surat Siaran KPPM Bil.  4 Tahun 2012  <b>Pelaksanaan Amalan  Guru Penyayang</b></p>	<p>a) Pelaksanaan amalan guru penyayang ini bertujuan untuk setiap guru membudayakan sikap kasih sayang di sekolah. Setiap guru diharap untuk menghayati konsep guru penyayang dan meningkatkan sikap</p>



		<p>kepedulian kepada muridnya pada setiap masa.</p> <p>b) Tiga aktiviti utama dalam pelaksanaan amalan Guru Penyayang adalah :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. mengalu-alukan kehadiran murid;</li> <li>ii. memberi penghargaan kepada murid; dan</li> <li>iii. Program Mentor Mentee</li> </ol>
--	--	--

## 8. CADANGAN PROGRAM DAN AKTIVITI PERPADUAN DI SEKOLAH

Penganjuran program dan aktiviti perpaduan dalam sekolah, antara sekolah serta komuniti setempat perlu dilaksanakan secara berterusan. Aktiviti yang dinyatakan ini hanyalah sebagai panduan dan boleh diadaptasi mengikut kesesuaian di sekolah masing-masing mengikut acuannya tersendiri. Berikut adalah cadangan program/aktiviti perpaduan tersebut :

Bil.	Pendekatan	Kaedah
1.	Menerapkan perpaduan dalam PdP dan LADAP	<ol style="list-style-type: none"> <li>a) Mengadakan latihan dalam perkhidmatan (LADAP) mengenai perpaduan daripada ikon perpaduan dalam komuniti setempat</li> <li>b) Setiapguru perlumenegaskan pengertian dan penghayatan elemen perpaduan semasa PdP</li> </ol>
2.	Menjadikan amalan perpaduan sebagai budaya warga sekolah	Sesi perkongsian dari individu pelbagai latar belakang budaya, kaum, etnik, bahasa dan agama untuk memahami kepelbagaian pakaian, makanan, adat resam, perayaan dan pantang larang

3.	Mengamalkan budaya hormat-menghormati kepada semua warga sekolah (PGB, guru, murid dan pekerja)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Semua warga sekolah memberi salam dan senyum apabila berjumpa di semua kawasan sekolah</li> <li>b) Mengadakan khidmat masyarakat ke rumah anak yatim atau rumah penjagaan warga emas</li> </ul>
4.	Menjadikan perpaduan sebagai nilai teras setiap sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Menerapkan tema perpaduan dalam setiap Ucapan Himpunan mingguan dan menegaskan dalam semua program dan aktiviti sekolah</li> <li>b) Penyediaan menu makanan di kantin yang mengikut kepelbagaian bangsa di Malaysia</li> </ul>
5.	Menerapkan perpaduan melalui aktiviti Kokurikulum	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Mengadakan program perkhemahan tahunan peringkat sekolah</li> <li>b) Menggalakkan murid melibatkan diri di dalam aktiviti permainan tradisional dan kebudayaan kaum lain</li> <li>c) Menggalakkan aktiviti yang mempromosikan kepelbagaian tradisi dan budaya</li> <li>d) Menggalakkan penyertaan murid berbilang kaum dan etnik dalam sebarang pertandingan peringkat sekolah, PPD, JPN, kebangsaan atau antarabangsa</li> <li>e) Menjalankan pertandingan: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pidato perpaduan antara kelas</li> <li>ii. Projek video perpaduan dalam komuniti</li> </ul> </li> </ul>

## 9. PEMANTAUAN PROGRAM DAN AKTIVITI PERPADUAN DI SEKOLAH

PGB berperanan untuk memastikan pemantauan dan penilaian keberkesanan program/aktiviti perpaduan dilaksanakan. **Berikut disenaraikan** asas dalam pemantauan dan penilaian keberkesanan program/aktiviti tersebut :

- 9.1 Menyediakan dokumen pemantauan dan penilaian keberkesanan.
- 9.2 Melaksanakan pemantauan terhadap pelaksanaan program/aktiviti perpaduan secara terancang.
- 9.3 Menilai keberkesanan program/aktiviti perpaduan yang dilaksanakan dan mengukur pencapaian objektif kualiti.
- 9.4 Melaksanakan pasca nilai (post mortem) untuk membincangkan kekuatan dan kelemahan pelaksanaan program berdasarkan hasil pemantauan dan penilaian.
- 9.5 Membuat tindakan susulan dan penambahbaikan berdasarkan keputusan pasca nilai.
- 9.6 Mendokumenkan hasil pemantauan dan penilaian sebagai rujukan dan panduan.

## 10. **KEPENTINGAN DALAM MENGRUS KEPELBAGAIAN DI SEKOLAH**

Perancangan program dan aktiviti yang dijalankan perlu prihatin dan mengambilkira kepelbagaian yang ada di sekolah. Keprihatinan dalam mengurus kepelbagaian akan memberikan implikasi kepada murid antaranya :

- 10.1 Murid yang mempunyai kurang peluang untuk memahami, menerima dan menghayati perbezaan akan terus selesa berada dalam kelompok masing-masing dan kurang mampu untuk bergaul apabila berada bersama murid yang berbeza kaum, etnik, agama, jantina, kelainan keupayaan dan pelbagai latar belakang sosioekonomi.
- 10.2 Murid yang mempunyai kurang peluang untuk bergaul dengan murid yang berlainan jantina akan cenderung untuk mempunyai persepsi yang negatif terhadap mereka.
- 10.3 Murid yang kurang pengetahuan mengenai murid kelainan upaya yang berada di Pendidikan Khas akan cenderung untuk mempunyai persepsi yang negatif terhadap mereka.
- 10.4 Murid mempunyai peluang untuk bergaul bersama murid lain yang berbeza kaum, etnik, agama, jantina, kelainan keupayaan dan pelbagai latar belakang sosioekonomi. Namun, sekiranya murid tidak diberi pendedahan untuk memahami, menerima dan menghayati perbezaan di antara mereka, murid akan cenderung untuk bersikap prejudis dan wujud perasaan negatif sehingga membawa kepada pergaduhan dan perselisihan faham.
- 10.5 Murid mempunyai peluang untuk bergaul dengan murid berlainan jantina. Namun, sekiranya murid tidak diberi pendedahan untuk memahami, menerima dan menghayati perbezaan di antara mereka, murid akan cenderung untuk melakukan tingkah laku yang bersalahan dengan moral dan agama

10.6 Murid berpeluang untuk bergaul dengan murid kelainan upaya. Namun, sekiranya murid tidak diberi pendedahan untuk memahami, menerima dan menghayati perbezaan di antara mereka, murid akan cenderung untuk mempunyai persepsi yang negatif yang akan membawa kepada tingkah laku tidak sopan dan tidak bermoral.

## **11. PERKARA PENTING LAIN YANG PERLU DIBERI PERHATIAN OLEH PGB DALAM MENGURUS KEPELBAGAIAN DI SEKOLAH**

11.1 Bahasa Kebangsaan diberi keutamaan dalam semua urusan rasmi di sekolah.

11.2 Peranan sebagai suri teladan dalam memupuk perpaduan dengan menunjukkan sikap toleransi dan tidak ekstremis antara kaum, jantina, agama, kelainan keupayaan dan latar belakang yang pelbagai.

11.3 Bersikap terbuka dan profesional dalam mengurus dan menangani kepelbagaian.

11.4 Pengupayaan pelbagai media dan platform bagi warga sekolah berinteraksi

## **12. PENUTUP**

Garis panduan ini diharapkan dapat dijadikan rujukan kepada PGB dalam melaksanakan amalan perpaduan melalui program dan aktiviti yang berkonsepkan elemen perpaduan. KPM berhasrat amalan perpaduan ini dapat memupuk dan memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia